



PERTANDINGAN FUTSAL
KESATUAN PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA
SEMPENA PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2018

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. PERATURAN AM

- 1.1. Pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang FUTSAL yang berkuatkuasa sebagaimana yang diperuntukan oleh FIFA serta telah diterima oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).
- 1.2. Semua pasukan digalakkan mengamalkan konsep FAIR PLAY semasa perlawanan di kejohanan ini.
- 1.3. Jawatankuasa kejohanan berhak mengubah mana-mana jadual, peraturan, syarat dan undang-undang perlawanan secara serta merta.
- 1.4. Segala hal yang berkaitan dengan peraturan-peraturan teknikal yang tidak diperuntukan atau soal perbezaan taksiran akan diputuskan oleh jawatankuasa kejohanan dan keputusan adalah muktamad.
- 1.5. Selain dari peraturan di atas, Jawatankuasa Kejohanan adalah berhak untuk meminda atau mengadakan peraturan-peraturan tambahan selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.

2. TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 14 – 16 Disember 2018

Hari : Jumaat hingga Ahad

Masa : 8 pagi hingga 5 Petang

3. TEMPAT PERTANDINGAN

Gelanggang Futsal , Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Sultan Azlan Shah Ulu Kinta, Perak.

4. PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan hanyalah kepada Ahli-ahli Kesatuan Pemandu Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia dan jemputan sahaja.
- 4.2 Setiap pasukan hanya dibenarkan untuk mendaftar maksima sepuluh (10) orang pemain sahaja. Semua pemain mestilah Ahli Kesatuan Pemandu Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia dan jemputan sahaja.
- 4.3 Setiap pemain WAJIB membawa kad pengenalan diri sebelum perlawanan bermula sebagai pengesahan.
- 4.4 Yuran penyertaan adalah RM400.00 (RINGGIT MALAYSIA: EMPAT RATUS SAHAJA) untuk setiap pasukan.

Beserta borang penyertaan dan senarai nama pemain selewat-lewatnya pada

jam 5.00 petang 20 November 2018 .

5. KELAYAKAN PESERTA

5.1 Merujuk kepada peraturan umum 4.1.

5.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar sekurang-kurangnya enam (6) orang pemain dan maksimum sepuluh (10) orang pemain.

5.3 Pemain yang tidak didaftarkan namanya di dalam borang pendaftaran pasukan adalah tidak dibenarkan atau turut mengambil bahagian didalam mana-mana pasukan sepanjang kejohanan berlangsung.

5.4 Setiap pemain hanya boleh mendaftar untuk satu pasukan sahaja.

6. HADIAH PERTANDINGAN

Piala Pusingan/Medal

7. FORMAT DAN JADUAL PERTANDINGAN

Kategori Lelaki

7.1 Semua pasukan akan diundi dalam 4 kumpulan. Perlawanan peringkat kumpulan adalah secara Liga satu pusingan. Johan dan Naib Johan kumpulan masing-masing akan layak untuk keperingkat seterusnya.

7.2 Perlawanan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir akan diadakan secara kalah mati.

* Format dan jadual pertandingan adalah tertakluk kepada jumlah akhir penyertaan pasukan bagi setiap kategori dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kemudian.

8. PENENTUAN MARKAH / MATA

8.1 Tiga (3) mata akan diberikan bagi pasukan yang menang, satu (1) mata bagi seri dan tiada (0) mata bagi pasukan yang kalah.

8.2 Dalam pertandingan liga satu pusingan peringkat kumpulan, penentuan pasukan teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat Liga hendaklah mengikut hirarki seperti berikut:

8.2.1 Pasukan yang mendapat mata terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;

8.2.2 Pasukan yang mempunyai jumlah perbezaan gol terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;

8.2.3 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;

8.2.4 Pasukan yang mengalahkan pasukan lawannya akan dikira sebagai pemenang, jika seri;

8.2.5 Jika masih seri juga, tendangan penalti akan dijalankan untuk menentukan pemenang secara SUDDEN DEATH secara bergilir-gilir sehingga bertemu dengan pemenangnya.

8.3 Dalam perlawanan kalah mati peringkat Suku Akhir dan penentu pemenang adalah mengikut hirarki seperti berikut:

8.3.1 Pasukan yang menang dalam perlawanan penuh masa permainan, jika seri;

8.3.2 Jika kedudukan masih seri sehingga tamat perlawanan sepenuh masa, tiga (3) sepakan penalti akan diberikan kepada setiap pasukan untuk menentukan pemenang, jika seri;

8.3.3 Jika masih seri, satu sepakan penalti secara SUDDEN DEATH akan diberikan kepada pasukan untuk menentukan kemenangan.

9. PERATURAN PERTANDINGAN

9.1 Memulakan perlawanan

9.1.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai enam (6) pemain termasuk seorang penjaga Gol. Sekiranya kurang dari enam (6) pemain dari salah satu pasukan turun ke gelanggang apabila pengadil memerintahkan perlawanan dimulakan pada masa yang dijadualkan, maka pasukan yang mempunyai enam (6) pemain yang berada di dalam gelanggang akan diberikan kemenangan percuma dengan jaringan 3-0 dan mendapat tiga (3) mata bagi perlawanan tersebut.

9.2 Waktu bermula sesuatu perlawanan

9.2.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual disediakan.

9.3 Penggantian pemain

9.3.1 Tiada had penggantian pemain semasa perlawanan. Seseorang pemain yang telah diganti boleh masuk semula ke gelanggang sebagai pemain gantian kepada pemain lain.

9.3.2 Syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi apabila gantian pemain dibuat semasa bola dalam permainan;

9.3.2.1 Pemain yang meninggalkan gelanggang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zon gantian pemain.

9.3.2.2 Pemain yang masuk ke gelanggang juga dikehendaki berbuat demikian dari kawasan zon penggantian, tetapi hendaklah menunggu sehingga pemain yang hendak diganti telah keluar melintasi garisan tepi.

9.3.2.3 Seseorang pemain gantian adalah tertakluk kepada kuasa dan kebijaksanaan pengadil samada membenarkan atau tidak untuk bermain.

9.3.2.4 Penjaga gol boleh bertukar tempat dengan mana-mana pemain lain dengan syarat kebenaran dari salah seorang pengadil hendaklah diminta terlebih dahulu.

9.4 Tempoh masa perlawanan

Kategori Lelaki

9.4.1 Masa perlawanan adalah 5 minit + 1 minit + 5 minit untuk peringkat kumpulan.

9.4.2 Masa perlawanan adalah 5 minit + 1 minit + 5 minit untuk peringkat Kalah Mati, Suku Akhir dan Separuh Akhir.

9.4.3 Masa perlawanan adalah 10 minit + 1 minit + 10 minit untuk peringkat Akhir.

9.5 Kelewatan

9.5.1 Sekiranya pasukan yang bertanding tidak hadir, tempoh masa menunggu yang dibenarkan adalah 3 minit daripada masa perlawanan yang dijadualkan dan mana-mana pasukan yang melanggar peraturan ini akan dikenakan tindakan seperti berikut:

9.5.1.1 Pasukan yang gagal menghadirkan seramai enam (6) orang pemain selepas tamat tempoh menunggu 3 minit dari masa perlawanan yang dijadualkan akan dikira kalah (WALKOVER).

9.5.1.2 Kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawannya dengan tiga (3) mata dan jaringan tiga (3) – kosong (0).

9.6 Pakaian, warna dan nombor jersi

9.6.1 Semua pasukan wajib mendaftar sekurang-kurangnya dua (2) set jersi yang berlainan warna dan mengistiharkan warna jersi yang wajib dipakai semasa menjadi Tuan Rumah. Pasukan Tuan Rumah adalah nama pasukan yang disebut awal di dalam jadual pertandingan. Pasukan Pelawat hendaklah memakai jersi yang berlainan warna dari pasukan Tuan Rumah.

9.6.2 Jika berlaku persamaan warna jersi kerana pasukan Tuan Rumah tidak memakai jersi yang telah di istiharkan, maka pasukan Tuan Rumah WAJIB menukar warna jersinya. Jika berlaku persamaan warna jersi kerana pasukan pelawat memakai warna jersi yang sama warna dengan warna jersi Pasukan Tuan Rumah yang telah di istiharkan, maka pasukan pelawat WAJIB menukarkan warna jersi tersebut.

9.6.3 Setiap pemain diwajibkan memakai jersi yang bernombor TETAP sepanjang kejohanan.

10. KESALAHAN DAN KELAKUAN TIDAK SOPAN

10.1 Sekiranya dalam perkara di mana pemain di perintah keluar gelanggang dan salah satu pasukan tinggal kurang dari tiga (3) pemain, maka permainan hendaklah dibatalkan dan kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan jaringan tiga (3) – kosong (0) atau jaringannya yang terbesar.

10.2 Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain yang diperintahkan keluar gelanggang kerana pergaduhan akan digantung dari bermain sepanjang tempoh kejohanan ini berlangsung.

10.3 Pemain yang telah menerima Kad Merah tidak boleh bermain untuk dua (2) perlawanan, iaitu dua (2) perlawanan seterusnya selepas perlawanan yang pemain itu dikenakan Kad Merah.

10.4 Pemain yang telah menerima dua (2) Kad Kuning pada perlawanan yang sama dan seterusnya mendapat Kad Merah, tidak boleh bermain pada perlawanan yang sedang dia bermain dan satu (1) perlawanan seterusnya.

10.5 Pemain yang telah menerima dua (2) Kad Kuning pada perlawanan yang berlainan tidak boleh bermain untuk satu (1) perlawanan berikutnya.

10.6 Pemain yang menerima satu (1) Kad Kuning dan selepas itu menerima satu (1) Kad Merah, akan digantung pada perlawanan berikutnya dan Kad Kuning yang diterima sebelumnya itu masih berkuatkuasa.

10.7 Dalam masa permainan, pemain yang menerima Kad Merah dan di arahkan meninggalkan gelanggang boleh digantikan dengan pemain lain setelah masa tiga (3) minit dari pemain tersebut dikeluarkan.

10.8 Pengurus /Ketua Pasukan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas disiplin dan keselamatan pemain-pemainnya.

11. PERLAWANAN YANG DIHENTIKAN ATAU MENARIK DIRI, MENYERAH KALAH ATAU MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

11.1 Semua pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh memberikan kemenangan percuma kepada pasukan lawannya untuk perlawanan sedang dan yang akan berlangsung.

11.2 Setiap pasukan dimestikan meneruskan permainan dalam semua perlawanan walaupun telah layak atau tersingkir ke peringkat Kalah Mati.

11.3 Perlawanan yang ditunda atau dihentikan:

11.3.1 Sekiranya pengadil memutuskan perlawanan tidak boleh dimainkan atau ditangguhkan kerana sebab-sebab luar jangka atau bencana alam, kekurangan kawalan keselamatan perlawanan atau sebab-sebab teknikal, maka jawatankuasa kejohanan hendaklah membuat keputusan yang mana keputusannya adalah MUKTAMAD.

11.3.2 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana sikap penonton/ penyokong, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan, maka kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan tiga (3) mata dan jaringan tiga (3) – kosong (0) atau lebih semasa perlawanan dihentikan.

11.4 Menarik diri/memberi kemenangan percuma

11.4.1 Jika pasukan tidak melaporkan diri untuk satu perlawanan atau gagal menurunkan minimum enam (6) orang pemain berdaftar pada masa permulaan perlawanan atau;

11.4.2 Jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan gelanggang sebelum tamatnya masa perlawanan, atau;

11.4.3 Jika pasukan memberikan kemenangan percuma, atau;

11.4.4 Jika pasukan gagal menamatkan jadual perlawanannya dalam pertandingan tanpa mendapat persetujuan dari Jawatankuasa Kejohanan, pasukan tersebut terkeluar daripada pertandingan dan semua keputusan mata atau jaringan pada perlawanan-perlawanan terdahulu tidak akan dikira.

12. BANTAHAN

12.1 Setiap bantahan akan dikenakan bayaran Ringgit Malaysia : Empat Ratus Sahaja (RM400.00) dan wang bantahan TIDAK akan dikembalikan.

12.2 Setiap bantahan mestilah bertulis disertakan bukti bagi setiap bantahan kepada urusetia kejohanan. Pihak urusetia kejohanan akan membuat keputusan bersama pihak pengadil kejohanan bagi memberikan sebarang keputusan terhadap bantahan dan keputusan yang diberikan adalah muktamad.

13. UNDIAN KUMPULAN

Undian kumpulan akan dilakukan pada 14 Disember 2018 bermula jam 5.00 petang di ILKMM SAS ULU KINTA. Hanya Pengurus Pasukan dan seorang wakil pasukan dibenarkan hadir bagi sesi undian. Keputusan undian adalah muktamad.

14. PENUTUP

Diharapkan dengan adanya anjuran seperti ini akan dapat membentuk jati diri staf, pengalaman dan pengajaran yang diterima agar dapat memajukan sukan FUTSAL. Semoga dengan penyertaan pertandingan ini dapat memberi kebaikan kepada semua pihak yang terlibat sekaligus mengeratkan hubungan silaturahim yang sedia terjalin. Oleh itu, kerjasama daripada pihak Tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.